



**SOALAN PRAKTIS BESTARI**  
**PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2014**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**  
**EKONOMI ASAS**  
**Kertas 2 Set 3**

3757/2

2 jam

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas kjang. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas kjang pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

## Bahagian A

[75 markah]

Jawab mana- mana **tiga** soalan dalam bahagian ini.

- 1 (a) (i) Terangkan sumber-sumber ekonomi. [4 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri barang awam. [3 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Arabian Sendirian Berhad.

Syarikat Arabian Sendirian Berhad ingin mengeluarkan produk makanan sejuk beku. Syarikat Arabian Sendirian Berhad telah diberi peluang untuk mengeksport produk keluarannya ke Negara S. Kerajaan berkuasa penuh di Negara S termasuk membuat keputusan ekonomi.

- (i) Nyatakan masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh syarikat tersebut. [1 markah]
- (ii) Terangkan ciri sistem ekonomi Negara S selain yang terdapat dalam petikan di atas. [6 markah]
- (c) Gambar di bawah menunjukkan dua contoh pekerjaan dalam ekonomi.



Kenalpasti sektor ekonomi tersebut.

[2 markah]

- (d) Petikan di bawah adalah berkaitan dengan tindakan satu unit ekonomi.

*“Pegguna hari ini cenderung berbelanja besar terutamanya golongan kelas pertengahan yang tidak teragak-agak menghamburkan wang mereka membeli produk teknologi baru dan aksesori peribadi atas nama fesyen dan kesenangan”.*

*Pernyataan Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA*

*Sumber : Portal Rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan*

- (i) Mmengapakah situasi di atas berlaku? [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah anda dapat mengatasi keadaan di **1(d)(i)**. [7 markah]
- 2 (a) Nyatakan objektif penggunaan isi rumah. [2 markah]
- (b) Jadual di bawah menunjukkan kuantiti bantal kekabu yang diminta pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
20	100
40	80
60	60
80	40

- (i) Lukis keluk permintaan bantal kekabu berdasarkan jadual di atas. Gunakan skala 2 cm = 10 unit pada paksi harga dan 2cm = 20 unit pada paksi kuantiti. [4 markah]
- (ii) Terangkan pembentukan keluk permintaan di atas. [5 markah]
- (c) Gambar di bawah menunjukkan suatu unit ekonomi.



Huraikan unit ekonomi tersebut.


[4 markah]

- (d) Jadual di bawah menunjukkan kos pengeluaran Firma M&M Sendirian Berhad.

Jumlah Output (Unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Berubah (RM)	Kos Sut (RM)	Kos Purata (RM)
0	350	0	-	-
1	450	100	100	450
2	530	180	80	265
3	590	240	60	196.7
4	630	280	40	157.5
5	650	300	20	130
6	<b>P</b>	340	40	<b>R</b>
7	750	400	60	107.1
8	830	480	<b>Q</b>	103.8
9	930	580	100	103.3
10	1,050	700	120	105

- (i) Hitung nilai **P**, **Q**, dan **R**. [3 markah]
- (ii) Jelaskan hubungan antara jumlah output dengan kos sut dan kos purata. [7 markah]

3. (a) Gambar di bawah menunjukkan satu jenis urus niaga.



- (i) Nyatakan jenis pasaran di atas. [1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** syarat yang membolehkan pasaran tersebut wujud. [3 markah]
- (b) Jelaskan kesan dasar kerajaan berikut terhadap pasaran daging di Malaysia. (Setiap peristiwa adalah berasingan).
- (i) Meningkatkan subsidi kepada penternak lembu tempatan. [3 markah]
- (ii) Mengadakan kempen pencegahan penyakit darah tinggi dalam kalangan pengguna. [3 markah]
- (iii) Mempromosikan produk yang berasaskan daging lembu tempatan. [3 markah]
- (c) Nyatakan **dua** fungsi wang. [2 markah]
- (d) Terangkan **tiga** jenis pinjaman yang disediakan oleh bank perdagangan. [6 markah]
- (e) Huraikan konsep Skim Perbankan Islam yang berikut:
- (i) Wadiah [2 markah]
- (ii) Mudharabah [2 markah]

- 4 (a) Gambar di bawah menunjukkan situasi ketidakstabilan ekonomi.



- (i) Apakah keadaan ketidakstabilan ekonomi di atas. [1 markah]
- (ii) Terangkan langkah yang boleh diambil oleh bank pusat untuk mengatasi keadaan di **4(a)(i)**. [6 markah]
- (b) Gambar di bawah menunjukkan satu sektor ekonomi.



- (i) Nyatakan sektor ekonomi tersebut. [1 markah]
- (ii) Adakah anda bersetuju sekiranya negara terlalu bergantung kepada sektor ekonomi di atas? Kemukakan alasan anda. [7 markah]

- (c) Jadual di bawah menunjukkan hasil kerajaan persekutuan pada tahun 2011.

<b>Butiran</b>	<b>RM juta</b>
Lesen dan permit	10 012
Duti eksais	12 026
Duti eksport	2 195
Cukai pendapatan syarikat	36 210
Cukai pendapatan perseorangan	19 867
Cukai pendapatan petroleum	21 786
Jumlah	102 096

- (i) Komponen manakah merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah hasil kerajaan? [1 markah]
- (ii) Hitung jumlah hasil kerajaan daripada cukai langsung. [3 markah]
- (d) Terangkan sumber pinjaman luar negara. [6 markah]

- 5 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perdagangan antarabangsa? [1 markah]
- (ii) Jelaskan faktor yang menyebabkan wujudnya perdagangan antarabangsa. [6 markah]
- (b) Jadual di bawah menunjukkan butiran eksport dan import negara Malaysia bagi tahun 2010.

Butiran eksport dan import	Jumlah (RM juta)
Barangan pembuatan	32 000
Minyak sawit (mentah dan diproses)	62 000
Petroleum mentah	22 040
Gas asli cecair	18 240
Barangan perantaraan	6 800
Barangan modal	78 240
Barangan penggunaan	50 946
<b>Jumlah</b>	<b>270 266</b>

Berdasarkan jadual di atas,

- (i) Hitung jumlah eksport Malaysia. [4 markah]
- (ii) Tafsirkan kedudukan imbalan dagangan Malaysia. [2 markah]
- (c) Terangkan **dua** bentuk sekatan perdagangan antarabangsa [4 markah]
- (d) Syarikat Fakhrul Sdn. Bhd. telah mengimport mesin bernilai RM6 000 dari Korea Selatan. Kadar pertukaran antara Won Korea dengan Ringgit Malaysia adalah seperti berikut:

100 Won = RM0.28
------------------

Hitung jumlah Won Korea yang perlu dibayar oleh syarikat tersebut. [2 markah]

- (e) Jelaskan kesan peristiwa berikut ke atas pertukaran asing Malaysia.
- (i) Negara China meningkatkan jumlah import kuprum dari Malaysia. [2 markah]
- (ii) Rakyat Malaysia membeli lebih banyak motosikal buatan Jepun. [2 markah]
- (iii) Malaysia menjadi tuan rumah untuk mengendalikan sukan SEA. [2 markah]



## Bahagian B

[75 markah]

*Soalan ini wajib dijawab*

Penerimaan masyarakat terhadap jenama tempatan semakin berkembang baik sejak lima tahun lepas walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran di peringkat permulaan. Antara contoh jenama tempatan yang mendapat perhatian ialah Bonia yang mempunyai peminatnya tersendiri. Antara cabaran yang dihadapi oleh Puan Aini, salah seorang usahawan jenama tempatan ialah kurang promosi dan pengiklanan hingga menyebabkan produk mereka kurang dikenali.

Keadaan tersebut berlaku disebabkan pengiklanan memerlukan kos yang tinggi sedangkan usahawan terbabit perlu memperuntukkan wang kepada aspek-aspek lain seperti perbelanjaan ke atas input tetap dan input berubah. Walaupun menanggung kos yang tinggi, mereka perlu menjaga kualiti dan menjual produk mereka dengan harga yang berpatutan untuk mendapat tempat di hati pengguna. Bagi melebarkan sayap perniagaannya, Puan Aini turut membuat pembaharuan dengan melibatkan diri dalam bidang industri kreatif kerana minat dan bakat yang dimilikinya.

Puan Aini membuat keputusan untuk menerbitkan animasi dan menayangkan animasi tersebut di Singapura. Negara pertama yang menayangkan animasi tersebut ialah Singapura. Untuk menembusi pasaran antarabangsa, Puan Aini perlu bersedia menghadapi persaingan daripada industri kreatif negara luar. Jadi Puan Aini perlu memastikan animasinya mendapat sambutan. Oleh itu, Puan Aini sentiasa ke Singapura untuk menjalankan promosi. Di sana Puan Aini menginap di Hotel Adelia. Selama 3 hari di sana Puan Aini telah membelanjakan sebanyak S\$10,000. Kadar pertukaran antara Dolar Singapura dengan Ringgit Malaysia adalah S\$1=RM2.20.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan berikut.

- (a) (i) Huraikan ciri barang yang terlibat di perenggan satu. [5 markah]
- (ii) Apakah peranan faktor pengeluaran yang terdapat di perenggan pertama. [2 markah]
- (b) Bezakan kos-kos yang terlibat dalam penghasilan produk di perenggan kedua. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan jenis perdagangan yang diceburi oleh Puan Aini. [2 markah]
- (ii) Adakah anda bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Puan Aini? Kemukakan alasan anda. [8 markah]
- (d) Berdasarkan kadar pertukaran di dalam petikan, berapakah jumlah perbelanjaan Puan Aini dalam sebutan Ringgit Malaysia. [2 markah]
- (e) Apakah langkah yang boleh diambil oleh Puan Aini untuk memastikan perniagaannya terus berkembang ke negara-negara lain. [2 markah]